

Tiada peluang untuk Shakir bertanding di Perak

Berita Harian, 18 May 2013, Page 36

Article is not available on microfilm

Printer-Friendly Page

Tiada peluang untuk Shakir bertanding di Perak

SILAT . - Oleh YUSOFF A. RAHMAN

SEPATUTNYA, johan dunia Shakir Juanda, turut mengambil bahagian dalam Kejohanan Pencak Silat UPSI dan Antarabangsa di Perak dari 22 hingga 26 Mei ini.

Bagaimanapun Persekutuan Silat Singapura (Persisi) terpaksa menyetepikan Shakir bukan kerana soal kecederaan ataupun kemerosotan persembahan.

Sebaliknya, Shakir tidak dapat menyertai rombongan Singapura kerana Kelas I tidak dipertandingkan dalam kejohanan tersebut.

"Kami tidak mempunyai sebarang alasan untuk menyetepikan Shakir tetapi oleh kerana Kelas I tidak dipertandingkan dalam kejohanan itu nanti maka beliau tidak dapat mengambil bahagian," kata ketua pegawai eksekutif Persis, Sheik Alau'ddin Yacoob.

Antara dua pesilat yang akan mengambil bahagian termasuk Elyasak Said dalam Kelas G dan Sheik Ferdous Sheik Alau'ddin dalam Kelas E.

Elyasak pernah menjadi Pesilat Terbaik dalam Kejohanan Sijori, Bintan, pada tahun lalu selepas mengalahkan Indragiri Hulu 3-2 Abu Ridho dalam final Kelas G.

Mengulas persiapannya menjelang kejohanan ini, Elyasak berkata beliau telah mengadakan latihan lima hari seminggu dengan berehat pada Sabtu dan Ahad.

"Seperti dalam kejohanan-kejohanan lain, saya akan berlatih bersungguh-sungguh dan tidak pernah meremeh kawan saya," kata Elyasak yang memenangi pingat gangsa dalam Sukan SEA Laos pada 2009 tetapi gagal dalam Sukan SEA Indonesia dua tahun berikutnya.

Ferdous pula adalah juara dalam Kejohanan Thang Ta di India baru-baru ini.

Thang Ta adalah sukan seni bela diri yang berasal dari India. Ia juga merupakan seni mempertahankan diri menggunakan

pedang dan tombak.



SASAR KEJAYAAN: Para pesilat yang akan menyertai Kejohanan Pencak Silat UPSI dan Antarabangsa yang akan berlangsung selama lima hari di Perak mulai 22 Mei ini. - Foto PERSISI

- Foto PERSISI